

Tuduhan menteri Israel biadab

Kuala Lumpur: Kenyataan Menteri Keselamatan Israel, Itamar Ben-Gvir, mengaitkan sukarelawan Global Sumud Flotilla (GSF) dengan pengganas adalah biadab.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kenyataan itu tidak wajar dikeluarkan kerana ia membabitkan sukarelawan awam membawa bantuan kemanusiaan.

“Suaranya (Ben-Gvir) daripada siapa? daripada pengganas Israel. Jadi pengganas besar (beri) gelaran. Mereka (aktivis GSF) ini tidak membawa senjata, tak bunuh orang, dia bawa makanan, minuman dan perubatan.

“Bagaimana boleh gelar mereka ini pengganas? Ini satu kenyataan yang biadab,” katanya selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Khadijah di Pantai Dalam di sini, semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Cinta Gaza Malaysia (CGM), Muhammad Nadir Al-Nuri Kamaruzaman pagi semalam mendakwa Israel menuduh aktivis GSF yang kini ditahan rejim itu sebagai pengganas.

Terdahulu, media melaporkan Ben-Gvir menuduh aktivis dan sukarelawan misi kemanusiaan GSF sebagai pengganas selain mendakwa mereka kononnya membawa bahan kimia.

Menerusi video tular di media sosial, Ben-Gvir hadir di hadapan aktivis dan sukarelawan yang ditahan oleh tentera Zionis Israel, malah beliau turut dilihat memasuki salah satu kapal serta menuduh kononnya terdapat bahan kimia di situ.